

RIM akan terus siarkan berita bercorak pembangunan

UM 17 JAN 2003

PULAU PINANG 16 Jan. — Slot segmen berita bercorak pembangunan akan terus disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) termasuk menjelang pilihan raya umum bagi menjelaskan segala kekeliruan yang dicituskan oleh parti pembangkang terhadap kerajaan.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, slot rancangan seperti 'Kelantan Dalam Gerhana' dan 'Pulau Pinang Antara Dua Darjat' terbukti berjaya menangkis dakyah dan fitnah pembangkang apabila memulihkan keyakinan segelintir rakyat yang dimanipulasikan oleh pembangkang.

Tegasnya, hasil slot yang disiarkan, orang ramai kini tidak lagi mudah menerima berita palsu, khabar angin serta pembohongan yang disebarkan melalui risalah, Internet, e-mel dan pelbagai saluran lain.

Dalam aspek ini, kata beliau, 300 responden yang ditemu bual mengenai keberkesanan slot, semuanya akur dan yakin bahawa mereka dikelirukan.

"Kerajaan hadapi masalah politik apabila rakyat dikelirukan melalui pendekatan agresif pembangkang hingga kita sendiri tidak boleh buat kerja (membangunkan negara). Oleh itu kita akan terus siarkan rancangan baru melalui program bercorak pembangunan yang tidak semestinya bersifat politik," katanya.

Menilai

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Retreat Pelan Strategik Jangka Panjang (PSJP 2002-2012) Kementerian Penerangan di Hotel Equatorial di sini hari ini.

Program tiga hari dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan dan beberapa agensi kerajaan itu bertujuan menilai pencapaian prestasi kementerian tahun lepas serta merangka pelan tindakan akan datang.

Menurut Zainuddin, pembangkang tidak akan berputus asa untuk melempar dakyah memburukkan imej kerajaan terutama ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Jika dulu, kata beliau, mereka mepengaruhi orang ramai mendesak Dr. Mahathir meletak jawatan, kini mereka menghasut rakyat bahawa kononnya Perdana Menteri tidak akan bersara seperti mana dihasratkan oleh beliau sendiri pada Oktober tahun ini.

"Justeru, walaupun ada yang tidak bersetuju slot berita ini disiarkan, di sebalik itu kita dapati mesej buruk yang dilemparkan pembangkang terhadap kerajaan ini akhirnya diberi perhatian dan difahami ramai," katanya.

Mengulas cadangan siaran langsung RTM mengenai debat isu sekolah agama rakyat (SAR) antara Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda Pas, Salahuddin Ayub, Zainuddin berkata:

"Ada yang berpendapat ia tidak perlu sebab melibatkan antara seorang menteri dengan orang yang tidak begitu penting. Apa pun Menteri Penerangan (Tan Sri Khalil Yaakob) menegaskan bahawa kelulusan siaran tertakluk kepada swarat tertentu."